



فريڊانن ڪماڃوان نڪري فريڊان
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN (CONFLICT OF INTEREST)

PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI PERAK (PKNPK)

POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN (*CONFLICT OF INTEREST*)

Diterbitkan oleh

Unit Integriti dan Governans
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

2 Ogos 2021



POLISI PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

ISI KANDUNGAN :

1. PENDAHULUAN	3
2. OBJEKTIF	3
3. PEMAKAIAN	3
4. TAKRIFAN	3-5
5. PERNYATAAN POLISI	5
6. GARIS PANDUAN PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN	5-7
7. PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN	7
8. UNDANG – UNDANG YANG BERKAITAN	7-8
9. PEMATUHAN	8
10. PENUTUP	8



POLISI PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

1. Pendahuluan

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam seseorang itu mungkin akan berada dalam situasi yang boleh disifatkan sebagai percanggahan kepentingan (*conflict of interest*). Situasi sebegini akan menyulitkan seseorang itu untuk membuat keputusan yang baik, adil dan telus. Sehubungan dengan itu, suatu polisi atau garis panduan yang jelas perlu ada untuk dijadikan amalan dan pematuhan.

2. Objektif

Polisi ini digubal untuk dijadikan panduan kepada semua warga kerja bagi mengelakkan pelanggaran undang – undang dan /atau peraturan berkaitan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*).

3. Pemakaian

Polisi ini terpakai kepada semua Ahli Lembaga Pengarah dan warga kerja Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (yang selepas ini dikenali sebagai PKNPk) meliputi lantikan tetap / sementara / kontrak / pinjaman. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh (*stake holders*), rakan niaga dan/atau mana – mana individu atau organisasi yang berurusan dengan PKNPk.

Tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah, polisi ini juga boleh digunapakai oleh anak – anak syarikat PKNPk.



4. Takrifan

Kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam polisi ini, definisi akan membawa maksud yang sama sebagaimana yang diperuntukan di dalam **Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

4.1 Percanggahan kepentingan

bermaksud apa – apa tingkah laku atau tindak cara yang boleh menyebabkan mana-mana warga kerja telah membiarkan kepentingan peribadi bertentangan dengan kepentingan organisasi PKNPk; atau warga kerja PKNPk menggunakan kedudukan awamnya bagi mendapatkan faedah untuk dirinya sendiri, saudara atau sekutunya.

Situasi percanggahan kepentingan wujud dalam keadaan di mana tindakan dan hubungan peribadi mana-mana warga kerja bertentangan dengan objektif mereka dalam bertindak untuk kepentingan PKNPk. Percanggahan kepentingan sama ada yang jelas atau pun terselindung, boleh timbul dalam keadaan secara langsung atau tidak langsung dan akan membawa kesan mudarat kepada organisasi PKNPk.

Percanggahan kepentingan juga berkait rapat dengan /atau berlaku seiring dengan salah guna kuasa atau salah guna kedudukan jawatan.

Percanggahan Kepentingan dan salah guna kuasa boleh timbul dalam keadaan keadaan berikut:

Nyata – wujud secara langsung dan jelas pada ketika itu:

Berkemungkinan – ia mungkin timbul, berdasarkan hal keadaan; atau

Disimpulkan (*inferred*) – pihak-pihak berkepentingan secara munasabahnyanya boleh membentuk pendapat bahawa suatu percanggahan itu wujud atau boleh timbul yang akan mempengaruhi pelaksanaan fungsi dan kewajipan seseorang penjawat awam itu di PKNPk sama ada pada ketika itu atau di masa hadapan.

4.2 Warga PKNPk

Meliputi semua warga kerja yang berkhidmat dengan PKNPk sama ada secara lantikan tetap / sementara / kontrak / pinjaman atau sambilan.



4.3 Saudara

Merujuk kepada tafsiran saudara dan sekutu di bawah **Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 294)** iaitu seperti berikut:

- i. Isteri atau suami pegawai atau kakitangan itu;
- ii. Adik / abang / kakak kepada pegawai atau kakitangan itu;
- iii. Adik / abang / kakak kepada suami atau isteri pegawai atau kakitangan itu;
- iv. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah kepada pegawai atau kakitangan itu;
- v. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah kepada suami atau isteri pegawai atau kakitangan itu;
- vi. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah kepada orang yang disebut di para (ii);
- vii. Bapa saudara, emak saudara atau sepupu kepada Pegawai atau kakitangan itu; atau
- viii. Menantu kepada pegawai atau kakitangan itu

4.4 Sekutu

- i. mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- ii. mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- iii. mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam perniagaannya atau hal ehwalnya;
- iv. mana-mana perbadanan mengikut **Akta Syarikat 2016 (Akta 777) berdasarkan pengertian "organisasi komersial" yang termaktub dalam Seksyen 17A(8)(a), Akta SPRM (Pindaan 2018)** yang warga kerja itu atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus (30%) daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
- v. pemegang amanah mana-mana amanah, jika;
 - i. amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - ii. nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus (20%) daripada keseluruhan nilai aset amanah itu;



4.5 Pihak berkepentingan

Termasuklah kontraktor, vendor, pembekal, pembeli atau mana-mana pihak yang berurusan dengan PKNPk.

5. PERNYATAAN POLISI (POLICY STATEMENTS)

PKNPk secara berterusan akan sentiasa berusaha untuk menerapkan, memperkemas dan memperkukuhkan aspek integriti, akauntabiliti, profesionalisme dan tadbir urus yang baik dalam semua urusan rasmi.

Sehubungan dengan komitmen tersebut dan untuk mengelakkan percanggahan kepentingan, semua warga kerja PKNPk adalah dilarang keras daripada:

- (i) mempunyai kepentingan peribadi / kewangan dengan pihak ketiga yang telah atau sedang berurusan dengan PKNPk;
- (ii) menyalurkan apa – apa maklumat terperinci berkaitan PKNPk yang memungkinkan pihak ketiga mendapat faedah atau manfaat dalam berurusan rasmi dengan PKNPk melainkan apa-apa bentuk pelaburan khusus yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKNPk dan Pihak Berkuasa Negeri bagi tujuan yang spesifik dan memerlukan tindakan proaktif demi kelestarian ekonomi Negeri Perak dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang;
- (iii) menjalankan apa – apa bentuk transaksi /urusniaga dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan PKNPk dengan menggunakan akaun peribadi;
- (iv) menerima saguhati /komisen /apa – apa faedah bernilai (tanah, wang, saham, dividen, kenderaan, jawatan, bangunan dan barang kemas / perhiasan dan seumpamanya) daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan PKNPk; daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan PKNPk;
- (v) menggunakan kedudukan jawatan untuk mengembangkan kemajuan kerjaya saudara dan/atau sekutu di PKNPk.

6. GARIS PANDUAN PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Skop dan situasi percanggahan kepentingan adalah luas dan berbeza dari setiap organisasi. Sukar untuk disenaraikan setiap situasi dalam mana percanggahan kepentingan yang boleh timbul, namun begitu, contoh – contoh berikut boleh dijadikan panduan:



6.1 Pekerjaan atau kegiatan Perniagaan Luar

Semua warga kerja PKNPk secara telus hendaklah mengisytiharkan apa – apa kegiatan luar, kepentingan kewangan atau perhubungan yang berkemungkinan boleh menimbulkan percanggahan kepentingan secara nyata, langsung dan yang secara tidak langsung. Pengisytiharan hendaklah dibuat kepada Ketua Eksekutif / Bahagian / Unit masing – masing dan disalinkan kepada Bahagian Sumber Tenaga Manusia dan Pentadbiran.

Kebenaran daripada Ketua Eksekutif hendaklah diperolehi sebelum menerima apa – apa jawatan tetap atau sambilan dalam sesuatu kegiatan perniagaan di luar daripada PKNPk. Ketua Eksekutif mempunyai kuasa budibicara untuk meluluskan / tidak meluluskan permohonan berkaitan.

Perisytiharan dan kelulusan bertulis diperlukan untuk pekerjaan atau kegiatan luar seperti berikut:

- pekerjaan luar yang memerlukan penggunaan sumber, masa, kemudahan atau harta PKNPk adalah dianggap sebagai percanggahan kepentingan.
- penglibatan dalam apa – apa perniagaan atau kegiatan lain, misalnya, jualan langsung (*direct selling*) dan /atau secara atas talian untuk keuntungan atau manfaat kewangan.
- mempunyai apa – apa kepentingan di dalam syarikat lain yang telah atau sedang berurusan dengan PKNPk.
- mempunyai pekerjaan kedua di mana majikannya merupakan pesaing kepada PKNPk
- mempunyai pekerjaan kedua atau hubungan klien – perunding yang memberi kesan kepada kebolehan Pengarah, Pegawai atau kakitangan PKNPk tersebut untuk melakukan tanggungjawab yang ditugaskan dengan memuaskan.
- Menjual, menyewa atau memajak hartanah, perkhidmatan atau peralatan milik sendiri kepada PKNPk.

Di dalam melaksanakan urusan rasmi di pejabat, di luar mahupun di rumah, semua warga kerja hendaklah sentiasa memastikan prestasi kerja yang cemerlang. Semua warga kerja juga perlu meletakkan urusan rasmi pada satu tahap yang tinggi dan tidak membenarkan unsur-unsur luar yang boleh mengganggu, mendahului, mencampuri atau menghalang urusan pekerjaan rasmi.



6.2 Jawatan Pengarah

Mana-mana warga kerja PKNPk mestilah memaklumkan kepada pihak pengurusan sebelum menerima jawatan pengarah, lembaga pengarah, ahli jawatan kuasa dalam mana-mana organisasi kebajikan, pendidikan atau lain-lain organisasi bukan untung (*non-profitable organization*).

6.3 Pelaburan

* dilarang daripada mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung, atau hubungan kewangan dengan pesaing, pembekal atau pelanggan PKNPk kecuali pegangan saham yang tidak signifikan di dalam syarikat tersenarai awam.

*dilarang menggunakan maklumat sulit PKNPk untuk keuntungan atau manfaat peribadi, atau untuk faedah pihak lain, termasuk pembelian atau penjualan saham di dalam entiti perniagaan yang mana PKNPk berminat untuk memperoleh, melepaskan, membina atau menamatkan hubungan perniagaan.

6.4 Komunikasi Luar

* Mana-mana warga kerja PKNPk hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing terlebih dahulu sebelum menerima tawaran sebagai penceramah / pengacara / peserta / perwakilan di mana – mana kursus / bengkel / majlis rasmi anjuran pihak luar.

* Penerimaan honorarium / saguhati peribadi untuk pembayaran perkhidmatan yang berhubung kait dengan pekerjaan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan masing – masing.

7. PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

7.1 Mana-mana warga kerja PKNPk yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam mana – mana urusan rasmi atau proses kerja hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Jabatan.

7.2 Ketua Jabatan hendaklah menggantikan mana – mana warga kerja PKNPk yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai lain yang tiada sebarang kepentingan dalam urusan rasmi atau proses kerja tersebut.



-
- 7.3 Mana-mana warga kerja PKNPk yang terlibat dalam mesyuarat yang membuat keputusan dalam mana orang itu mempunyai kepentingan, hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara lisan dan keluar meninggalkan mesyuarat tersebut.
- 7.4 Urus setia mesyuarat hendaklah merekodkan pengisytiharan kepentingan pegawai tersebut dan tindakan keluar mesyuarat olehnya.

8. UNDANG – UNDANG YANG BERKAITAN

Terdapat undang – undang dan peraturan yang berkaitan percanggahan kepentingan dan salah guna kuasa yang terpakai di PKNPk.

8.1. Enakmen PKNP Bil 3 tahun 1967

Sek 7 (1) *Tiada seorang ahli Perbadanan boleh mempunyai (jika ia ada , ia hendaklah serta merta terhenti menjadi ahli) apa – apa kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, bersendirian atau melalui sanak – saudara, kewangan atau sebaliknya dalam apa jua rancangan, projek perusahaan atau kontrak yang dijalankan atau yang dicadangkan akan dijalankan oleh Perbadanan atau dalam apa – apa hal yang dalam perbincangan oleh Perbadanan.*

(2) *Subseksyen (1) tidak boleh dipakai terhadap seorang ahli mengenai kepentingannya dalam sebuah syarikat atau badan lain yang mana ianya telah dinamakan oleh Perbadanan sebagai wakilnya dan jika Perbadanan atau badan lain itu adalah di bawah kawalan atau separuh kawalan Perbadanan.*

8.2 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Sek 23 (1) *Mana – mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa – apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan .*

(2) *Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa – apa suapan , sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa – apa keputusan, atau mengambil apa – apa tindakan, berhubungan dengan apa – apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana – mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.*



8.3 Kod Etika dan Tatakelakuan PKNPk

Perkara 6.3 Percanggahan Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tugas dan tanggungjawab sebagai warga kerja PKNPk tidak boleh diabaikan atau dibelakangkan demi kepentingan peribadi

- i. Percanggahan kepentingan timbul apabila tugas dan tanggungjawab kita bertentangan dengan peribadi yang mungkin ada. Dalam keadaan ini, keutamaan adalah kepentingan awam yang diterjemahkan melalui pelaksanaan tugas dan tanggungjawab kita sebagai warga kerja PKNPk.
- ii. Percanggahan kepentingan atau persepsi tentang kewujudan percanggahan kepentingan akan mendatangkan kesan buruk kepada imej PKNPk dan / atau warga kerjanya.
- iii. Kita semua boleh mengalami percanggahan kepentingan secara sebenar, berkemungkinan atau dilihat sebagai berkepentingan atau dilihat sebagai berkepentingan dalam sesuatu situasi sama ada berupa kewangan atau bukan kewangan. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan situasi sebegitu dikawal atau dikurangkan kesan buruknya dengan bertindak memaklumkan keadaan tersebut kepada pihak atasan.

9. PEMATUHAN

Kegagalan, keengganan atau tinggalan warga kerja PKNPK mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh diambil tindakan di bawah Laedah-kaedah Tatatertib Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) (Perak) 2003.

Perlanggaran Polisi ini juga boleh dirujuk kepada agensi Penguatkuasa yang lain, jika melibatkan unsur jenayah.

10. PENUTUP

Adalah diharapkan polisi ini akan memudahkan semua warga kerja PKNPK melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing – masing tanpa sebarang keraguan kerana telah ujud garis panduan yang jelas yang boleh dijadikan parameter bagi mengelakkan diri daripada berada dalam situasi yang menyulitkan, dipersimpanagn untuk mengutamakan kepentingan organisasi atau kepentingan peribadi.



UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
Tingkat 4, No. 1-A, Blok A, Menara PKNPk
Jalan Meru Casuarina,
Bandar Meru Raya,
Off Jalan Jelapang, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tel : +605 – 5019 626

Faks : +605 – 5019 614

E-mel : integriti@pknpgroup.com.my

Facebook : Unit Integriti & Governans PKNPk

